

### **2.3 Faktor Sekolah**

Sekolah adalah tempat kedua yang berperanan memberikan pengajaran dan pendidikan kepada anak-anak selepas ibu bapa. Persekitaran, amalan, serta polisi sekolah mempengaruhi aktiviti, tingkah laku, serta interaksi pelajar di sekolah. Kajian Mayer dan Butterworth (1979) menunjukkan bahawa program pengurusan dan perundingan tingkahlaku yang dijalankan oleh sekolah dapat meningkatkan keselamatan pelajar serta meninggikan pembelajaran dan kesihatan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.

Faktor sekolah yang boleh mempengaruhi kenakalan anak-anak ialah disiplin sekolah yang longgar, ibu bapa tidak mengambil tahu kemajuan dan pencapaian anak di sekolah, guru tidak mengambil tahu masalah yang dihadapi oleh murid-murid, serta suasana perhubungan yang tidak mesra antara pelajar-pelajar sesama mereka dan hubungan dengan guru-guru.

Remaja pergi ke sekolah dengan pelbagai tujuan dan matlamat. Sekolah dilihat oleh remaja daripada pelbagai perspektif yang berbeza. Ia mungkin adalah tempat melepak, mencari pengaruh, melaram, membentuk kumpulan, mencari ilmu, bertemu kawan-kawan dan lain-lain lagi. Remaja menghadapi kesulitan apabila mereka menjadikan sekolah tempat mencari sesuatu yang hilang ataupun kekurangan pada diri mereka, seperti kasih sayang, harga diri, penghormatan, pengaruh dan lain-lain. Tidak dapat dinafikan sekolah adalah institusi pendidikan yang berfungsi melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kurikulum sekolah kini yang lebih mengorientasikan kecemerlangan akademik daripada perkembangan emosi dan rohani pelajar telah memberi kesan negatif kepada perkembangan sahsiah pelajar dan menyumbang kepada masalah disiplin pelajar.

### **2.4 Faktor Rakan Sebaya**

Rakan sebaya merujuk kepada remaja yang sama umur ataupun sama paras kematangan. Pada peringkat remaja, rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan mereka. Rakan sebaya berpengaruh dalam membentuk akhlak dan peribadi remaja. Seorang individu yang mempunyai rakan sebaya yang baik akan membentuk akhlak yang baik, begitu juga sebaliknya. Pengaruh rakan sebaya ialah sumber paling kuat dalam mengubah nilai dan sikap remaja apabila pengaruh keluarga berkurangan pada peringkat lewat kanak-kanak.

Pada tahap usia remaja, nilai dan norma kumpulan rakan sebaya mempunyai kesan dan pengaruh yang kuat terhadap sikap, cara berpakaian, gaya pertuturan dan nilai yang dipegang oleh remaja. Rakan sebaya memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya terhadap perkembangan dan pengukuhan tingkah laku kanak-kanak. Salah memilih rakan seringkali menyebabkan remaja terlibat dengan tingkahlaku negatif seperti melepak. Jika remaja berkawan dengan orang yang baik, dia akan sentiasa terdedah dengan perkara-perkara yang baik. Sebaliknya, jika mereka berkawan dengan orang yang rendah akhlaknya, sedikit sebanyak dirinya terpengaruh dengan kejahatan yang dilakukan oleh rakannya. Dalam banyak keadaan, rakan sebaya menjadi tempat remaja berkongsi pendapat, pandangan dan tempat untuk remaja bertukar-tukar cerita suka dan duka. Rakan sebaya menyediakan peluang kepada remaja mendapat kebebasan dalam perbuatan dan percakapannya tanpa sebarang sekatan dan kongkongan. Inilah yang menjadi daya tarikan yang kuat di mana mereka suka menghabiskan masa untuk berjumpa kawan-kawan, di samping itu juga menghilangkan rasa bosan serta runcing yang mereka hadapi di rumah dan sekolah.

Menurut Pomeroy *et al.* (1991), remaja ingin dirinya diterima oleh rakan-rakan. Oleh itu, mereka sentiasa sanggup melakukan apa sahaja supaya diterima sebagai ahli kumpulan tersebut. Justeru itu, remaja yang berasal dari keluarga bermasalah mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya, yang mungkin senasib dengannya, dan membentuk kumpulan sendiri. Kumpulan ini mudah terpengaruh dengan anasir-anasir jahat. Seseorang remaja mungkin turut melakukan perkara yang sama supaya diterima oleh kumpulannya.

Menurut Phillips dan Soffis (1998), berinteraksi dengan rakan sebaya dalam suasana yang koperatif memberikan kanak-kanak peluang yang cukup bagi memerhati, meniru, dan mengembangkan fungsi mental yang tinggi. Rakan sebaya ialah rakan berkongsi pendapat, meluahkan perasaan, melaksanakan aktiviti secara bersama, serta saling bantu-membantu antara satu dengan yang lain.

Birgham (1991) mengatakan bahawa anak-anak yang menyertai sebuah kumpulan mempunyai perasaan kekitaan dalam kumpulan tersebut. Dari segi emosi, mereka lebih bergantung kepada rakan sebaya. Segala aktiviti dan masa ditumpukan kepada rakan sebaya dan apa-apa sahaja yang dilakukannya akan cepat disanjung. Oleh itu, remaja yang mempunyai rakan sebaya yang suka melepak akan terikut-ikut tingkahlaku rakan sebaya mereka.